

**Penjawat Awam Nadi Pembangunan Negara, Kata Muhyiddin
Bernama
26 April , 2012**

GEORGE TOWN, 26 April (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan penjawat awam sebagai nadi pembangunan negara kerana mereka mempunyai peranan penting dalam usaha menjayakan program transformasi nasional yang dipelopori Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata peranan berkesan penjawat awam memberi impak besar terhadap program transformasi khususnya daripada aspek politik, sosial dan ekonomi.

"Sama ada sedar atau tidak, penjawat awamlah yang dapat membantu kita mencapai banyak kejayaan yang amat bermakna dan hasil penting dalam dan luar negara," katanya ketika menyampaikan ucapan pada perhimpunan perdana anggota perkhidmatan awam dan belia Pulau Pinang di Dewan Tunku Canselor, Universiti Sains Malaysia (USM) di sini pada Khamis.

Turut hadir dalam perhimpunan yang dihadiri 6,000 orang itu adalah Pengerusi BN Pulau Pinang Teng Chang Yeow, Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen, Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman, Naib Canselor USM Prof Datuk Omar Osman dan Pegawai Kemajuan Negeri Pulau Pinang Datuk Nik Ali Md Yunus.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata penjawat awam juga berperanan dalam merealisasikan model baru ekonomi negara dan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang mensasarkan pertumbuhan pesat dalam ekonomi.

Beliau berkata penjawat awam perlu menjadi pemudahcara yang cekap dan berkesan untuk membantu pihak swasta menghadapi cabaran di peringkat global.

"Pihak swasta akan menjadi enjin pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun ke hadapan, jadi penjawat awam berperanan untuk memudahkan setiap urusan pihak swasta dalam melaksanakan usaha itu, contohnya memudahkan urusan dalam pemberian lesen kepada peniaga dan sebagainya," katanya.

Beliau menegaskan bahawa sistem penyampaian dan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti akan memudahkan perdagangan sekaligus menjadikan Malaysia lebih inovatif dan kreatif.

"Penjawat awam perlu meletakkan hala tuju negara kita dengan lebih jelas, selari dengan peranan penjawat awam yang menjadi penggerak utama dan dasar transformasi," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661951>